

Dr Mahathir tidak bertanding PRU15

Mahu beri peluang calon muda selain atas faktor kesihatan

Oleh NURHIDAYAH HAIROM

SHAH ALAM

Pengerusi Parti Pejuang Tanah Air (Pejuang), Tun Dr Mahathir Mohamad mengesah-

kan tidak akan bertanding di mana-mana kerusi Parlimen termasuk Langkawi dalam Pilihan Raya Umum ke-15 (PRU15).

Beliau berkata, keputusan itu dibuat bagi memberi peluang kepada calon lebih muda untuk terlibat dalam arena politik serta pilihan raya selain faktor kesihatannya yang belum pulih sepenuhnya.

“Kita (di dalam parti Pejuang) hendak cari orang yang lebih muda daripada saya (untuk ganti saya bertanding di Langkawi),” katanya pada Rabu.

Bagaimanapun, Dr Mahathir yang juga Ahli Parlimen Langkawi, bersedia untuk ter-

libat dalam kempen-kempen yang digerakkan parti Pejuang sebelum PRU15 sekiranya diperlukan.

“Saya boleh ada bersama (dengan calon itu), saya (juga) boleh beri nasihat (kepadanya), saya boleh ambil bahagian dalam kempen iaitu kalau ada satu tempat yang saya perlu hadir, saya akan hadir dan mungkin akan bercakap sikit dalam membantu jentera parti,” katanya.

Dr Mahathir sebelum itu ditemui pemberita ketika lawatan di Lang Agro Park sempena Program #PulangKeLangkawi.

Kenyataan itu menjawab teka teki sama ada Bekas Perdana Menteri itu akan bertanding pada PRU15 apabila beliau sebelum ini beberapa kali memberi bayangan tidak akan bertanding mewakili Pejuang.

Ia termasuk di Parlimen Langkawi yang dijangka diserahkan kepada calon baharu meskipun, kepimpinan tertinggi dan akar umbi masih mahukan beliau bertanding.

Mengikut rekod, Dr Mahathir merupakan ahli Parlimen kedua paling lama berkhidmat iaitu selama sembilan penggal dimula-



DR MAHATHIR

kan dengan Ahli Parlimen Kota Star Selatan selama satu penggal pada tahun 1964, kemudian sebagai anggota Parlimen Kubang Pasu di Kedah selama tujuh penggal berturut-turut bermula 1974 hingga 1999.

Di kedudukan pertama ialah Ahli Parlimen Gua Musang, Tengku Razaleigh Hamzah dengan 12 penggal.

Dr Mahathir pada usia 93 tahun kemudian kembali semula ke pentas pilihan raya ketika memimpin Bersatu pada tahun 2018 bagi bertanding di Parlimen Langkawi.

PH yang ketika itu diketuai oleh Dr Mahathir berjaya menumbangkan BN selepas lebih 60 tahun mentadbir negara.